

## **Pengaruh Faktor Persekitaran Terhadap Pemilihan Kerjaya dalam Kalangan Mahasiswa di Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS**

KHAIRUL SYAFIQ JALALLUDIN  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
k.syafiq.ks@gmail.com

SALINA MOHAMMED RASHID  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
salinarashid@kuis.edu.my

### **ABSTRAK**

Pemilihan kerjaya dalam kalangan para siswazah sering menjadi satu permasalahan dalam kalangan mereka dan masih keliru jenis kerjaya yang sesuai dengan mereka. Banyak kajian lepas membincangkan pelbagai faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya dalam pelbagai bidang, namun begitu kerjaya dalam bidang pengurusan masih kurang dikaji. Dalam kajian pengkaji menggunakan dua variabel sebagai IV iaitu faktor luaran dan faktor dalaman. Dalam kertas kerja ini pengkaji akan fokus pengaruh faktor luaran yang menggabungkan pengaruh keluarga, guru/kaunselor, rakan sebaya dan persekitaran terhadap pemilihan kerjaya bidang pengurusan dalam kalangan mahasiswa di Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) KUIS. Kajian ini merupakan satu kajian adaptasi daripada kajian Michael Borchert (2002) yang melibatkan 322 orang mahasiswa sebagai sampel kajian di Fakulti Pengurusan dan Muamalah (FPM) KUIS. Instrument kajian adalah gabungan daripada beberapa pengkaji lepas termasuk Michael Borchert. Dapatan kajian menunjukkan faktor luaran mempunyai hubungan sederhana positif dan signifikan dengan pemilihan kerjaya.

*Kata kunci: Pemilihan Kerjaya, Pengaruh Ibu Bapa, Pengaruh Guru / Kaunselor, Pengaruh Rakan Sebaya, Pengaruh Persekitaran*

### **PENGENALAN**

Kerjaya merupakan satu aktiviti dan kedudukan yang meliputi pekerjaan dan tugas serta mempunyai perhubungan sepanjang kehidupan seseorang individu (Zunker, 2006) dan ia perlu diwujudkan dalam kehidupan seseorang kerana ianya adalah satu proses kemajuan dan tindakan yang diambil oleh seseorang individu untuk berjaya dalam kehidupannya. Pemilihan kerjaya merupakan proses yang paling penting dalam kehidupan seseorang individu apabila mereka mula berfikir mengenai dunia pekerjaan yang sebenar (Sidek dan Jamaluddin, 2005). Pemilihan kerjaya dalam kalangan mahasiswa dipengaruhi oleh pelbagai faktor yang boleh dikategorikan sebagai faktor dalaman (intrinsik) dan luaran (ekstirnsik) atau pun berdasarkan lokus kawalan seseorang individu. Individu yang mempercayai bahawa dia boleh mempengaruhi kehidupan sendiri dikatakan mempunyai lokus kawalan dalaman, manakala individu yang menganggap yang dia tidak boleh mempengaruhi persekitaran dikatakan mempunyai lokus kawalan luaran (Wan Abdul Kader, 1994).

Dalam kertas kerja ini, pengkaji telah mengadaptasi kajian Michael Borchert (2002) yang mengkaji tiga faktor utama dalam proses pemilihan kerjaya iaitu personaliti (faktor intrinsik atau kawalan lokus dalaman), persekitaran dan peluang (faktor ekstrinsik atau kawalan lokus luaran). Namun begitu pengkaji akan menumpukan faktor persekitaran sahaja. Faktor persekitaran di sini merujuk kepada segala benda yang terdapat di sekeliling individu tersebut (Osman, 2004). Dalam kajian ini faktor persekitaran yang terlibat ialah faktor pengaruh ibu bapa, guru, rakan sebaya dan lain-lain.

Kajian mengenai pemilihan kerjaya sering dilakukan dalam profesion perguruan (Noor Azlan dan Noridah, 2010), kejururawatan (Norhayati Nasir, 2014), keusahawanan (Norasmah dan Zalmah, 2011) dsb. Namun begitu ianya amat kurang dilakukan dalam bidang pengurusan. Selain daripada itu juga, ramai dalam kalangan remaja kurang ilmu berkaitan dengan bidang kerjaya yang ingin diceburi (Zairoslawanee Zainab, 2014).

### **Objektif Kajian**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan faktor persekitaran dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS.

### **Hipotesis Kajian**

HA<sup>2</sup> Kawalan lokus luaran mempunyai hubungan dengan pemilihan kerjaya.

## **KAJIAN LEPAS**

### **Pemilihan Kerjaya**

Pemilihan kerjaya merupakan suatu perkara yang sangat penting dalam kehidupan seseorang insan. Hal ini kerana, kerjaya yang baik dapat memberikan jaminan masa hadapan yang selesa bagi seseorang insan kerana sudah tentu akan mempunyai pendapatan yang baik juga. Oleh yang demikian, pemilihan kerjaya secara tidak langsung memerlukan faktor-faktor yang boleh mempengaruhinya agar seseorang mampu untuk memilih kerjaya yang bersesuaian dengan dirinya.

Berdasarkan kajian Michael Borchert (2002) mendapati terdapat beberapa faktor-faktor yang boleh mempengaruhi pemilihan kerjaya iaitu (a) personaliti, (b) persekitaran dan (c) peluang. Hasil dapatan kajian yang dijalankan mendapati ketiga-tiga faktor mempengaruhi pemilihan kerjaya dan faktor personaliti menunjukkan pengaruh yang paling dominan. Splaver (1977) menyatakan faktor personaliti memainkan peranan yang penting dalam pemilihan kerjaya kerana ianya dapat membantu untuk memahami diri sendiri dan menjadikan matlamat pemilihan kerjaya mereka lebih jelas.

Manakala kajian Mohd Helmi Ali et.al (2016) telah mengkaji 20 faktor luaran dalam pemilihan kerjaya di UKM. Antara faktor tersebut sangat penting dalam pemilihan kerjaya ialah faktor kerja itu sendiri, ganjaran, kenaikan pangkat dan beban kerja yang munasabah.

### **Faktor Persekitaran**

Faktor keluarga sememangnya sangat memainkan peranan yang penting dalam pemilihan kerjaya dalam kalangan mahasiswa. Peringkat umur mahasiswa yang mengambil pengajian diploma dan sarjana muda adalah dalam sekitar 19 – 23 tahun. Kebanyakan remaja yang berada dalam peringkat umur sebegini masih belum ada pengalaman dan belum matang. Mereka masih

memerlukan bantuan ibu bapa dalam membuat segala keputusan. Satu kajian yang dijalankan oleh Halim A (2008) yang melibatkan 3,921 orang pelajar mendapati bahawa pengaruh ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam pemilihan kerjaya. Satu kajian di barat pula melibatkan 700 pelajar lelaki di Michigan College (1962-1967) mendapati pemilihan kerjaya dipengaruhi oleh faktor pekerjaan ibu bapa mereka sendiri. Walau bagaimanapun dalam kajian Mohd Helmi Ali, et.al (2016) mendapati bahawa 33% mahasiswa UKM tidak bersetuju bahawa ibu bapa tidak mempunyai kaitan rapat dengan visi jangka panjang pemilihan kerjaya mereka.

Peranan kaunselor kerjaya atau para pendidik juga amat penting dalam pemilihan kerjaya mahasiswa. Pelbagai kaedah boleh diguna pakai dalam meningkatkan minat para mahasiswa terhadap bidang kerjaya yang ingin diceburi. Sapora Sipon dalam artikelnya menghuraikan 31 peranan kaunselor sekolah yang perlu digalas dalam memberi kesedaran kerjaya. Dalam artikel tersebut juga menyatakan bahawa 84% pelajar sekolah menengah di Amerika sering bertemu kaunselor untuk mendapatkan maklumat kerjaya. 40% daripadanya pula beranggapan pendidikan kerjaya mampu membimbing mereka untuk mendapat kerjaya yang sesuai. Kewujudan kaunselor di sekolah mahupun di institut pengajian tinggi amat penting kerana ianya merupakan penggerak motivasi dan peningkatan potensi pelajar (Capuzzi dan Gross, 1991).

Peranan rakan sebaya tidak juga kurangnya dalam pemilihan kerjaya dalam kalangan mahasiswa. Kajian Yahya Buntat & Khodijah Hassan (2010) dapati peranan rakan sebaya kurang mempengaruhi pemilihan kerjaya. Semakin matang mahasiswa maka pengaruh rakan sebaya juga akan berkurangan.

### **Kesan Pengaruh Faktor Persekitaran dalam Kehidupan Individu**

Individu yang mudah dipengaruhi oleh faktor persekitaran atau mempunyai kawalan lokus luaran, percaya bahawa setiap kejayaan dan kegagalan adalah dipengaruhi oleh faktor luaran atau persekitaran (Myers, 2003). Jesteru, mereka hanya melihat usaha yang mereka kerjakan untuk mencapai sesuatu kejayaan dalam kehidupan tidak memberikan impak yang besar kerana cenderung bergantung kepada faktor luaran yang boleh mempengaruhi mereka (Mearns, 2009).

Individu yang mempunyai kawalan lokus luaran merupakan seorang yang kurang berhati-hati, kurang keyakinan diri, dan menunjukkan kegelisahan (Ozen-Kutunis, 2011). Manakala Kinick & Vecchio (1984) menyatakan individu yang mudah dipengaruhi oleh faktor luaran kurang memberi komitmen dalam kerjaya mereka berbanding dengan individu yang mempunyai kawalan lokus dalaman.

### **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan satu kajian adaptasi daripada Michael Borchert (2002) dan menggunakan kajian kuantitatif. Pengedaran borang soal selidik sebagai instrumen utama untuk mengumpulkan data telah dilakukan kepada 370 orang mahasiswa yang merupakan sampel kajian berdasarkan jadual Krejcie & Morgan (1970). Pembentukan kerangka teoritik faktor pemilihan kerjaya ini adalah berasaskan kepada kajian Michael Borchert (2002). Sebanyak 4 item dalam faktor persekitaran dan 7 item dalam pemilihan kerjaya telah diguna pakai. Pengukuran empat skala likert digunapakai seperti skala Likert dan 1 (sangat tidak setuju) hingga 4 (sangat setuju).

Populasi kajian adalah seramai 2000 orang pelajar dari FPM dalam pelbagai bidang pengurusan. 370 orang sampel telah dipilih dan mereka adalah pelajar diploma dan sarjana muda semester empat hingga semester 7. Pemilihan ini dibuat kerana mereka lebih matang untuk menjawab soalan berkaitan pemilihan kerjaya. Pengkaji menggunakan kaedah

persampelan *convenience sampling* kerana ini akan memudahkan pengkaji untuk medapat data. Instrument yang diguna pakai adalah gabungan daripada beberapa pengkaji lepas seperti Sevgin Akis Roney & Perin Öztin (2007), Kristen Tillman (2015), Kniveton, B.H (2004), Mohd Nasir & Ana Farina (2010), Thomas Zellweger et al. (2010), Nurdzifazura & Emyzatul Najiha (2014) termasuk Michael Borchert (2002). Pengkaji menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 21.0 untuk menganalisa data dan kaedah korelasi Pearson diguna pakai bagi menjawab persoalan kajian.

## Kerangka Kajian

Kajian ini secara teoritikalnya cuba melihat hubungan pemboleh ubah tak bersandar faktor persekitaran kepada pemboleh ubah bersandar iaitu pemilihan kerjaya.

Kerangka kajian adalah seperti berikut:

**Rajah 1: Kerangka Kajian**



Sumber: Adaptasi daripada kajian Michael Borchert (2002)

## Kajian Rintis

Pengkaji telah melakukan tiga kali kajian rintis kerana hasil ujian kebolehpercayaan amat rendah dan lemah. Pengkaji telah membuang beberapa soalan bagi memastikan nilai kebolehpercayaannya baik. Di bawah ini adalah hasil kajian rintis kali ketiga:

**Jadual 1: Nilai Cronbach Alpha (Kajian Rintis)**

Pemboleh Ubah	Bilangan Item	Cronbach Alpha
Faktor Pesekitaran	4	0.560
Pemilihan Kerjaya	7	0.726

Walaupun nilai cronbach alpha kawalan lokus luaran di bawah 0.6 yang menunjukkan ianya lemah dan kurang memuaskan (Chua Y.P, 2006) namun begitu ia masih boleh diguna kerana item dalam variable tersebut kurang daripada 10 (Nunnaly, 1967).

## DAPATAN KAJIAN

Sebanyak 370 borang soal selidik telah diedarkan dan hanya 320 set soalan selidik telah dikembalikan yang mewakili 87% kadar maklum balas.

## Kebolehpercayaan

Hasil kebolehpercayaan berdasarkan kajian sebenar yang melibatkan 320 orang responden adalah seperti berikut:

**Jadual 2: Nilai Cronbach Alpha (Kajian Sebenar)**

Pemboleh Ubah	Bilangan Item	Cronbach Alpha
Kawalan Lokus Luaran	4	0.612
Pemilihan Kerjaya	7	0.536

Berdasarkan jadual di atas, menunjukkan terdapat penurunan nilai *cronbach alpha* pada pemboleh ubah pemilihan kerjaya iaitu dari 0.726 kepada 0.536. Manakala terdapat kenaikan nilai *cronbach alpha* pada pemboleh ubah kawalan lokus luaran iaitu dari 0.560 kepada 0.612. Walaupun nilai alpha pemilihan kerjaya menurun menjadi 0.536 ianya masih dianggap baik untuk skala instrumen yang mempunyai kurang daripada sepuluh item. Alpha 0.5 atau lebih dianggap sebagai mencukupi dan memadai untuk tujuan kajian dan penyelidikan (Nunnally, 1967).

### Demografi Responden Kajian

Analisa demografi adalah seperti dalam Jadual 3. Majoriti responden adalah mahasiswi (59.9 peratus) dan 97.8% masih belum berkahwin. 59.59 peratus responden berumur antara 22 – 25 tahun. Dari segi umur pula majoriti berada dalam kategori usi 22 – 25 tahun yang masih lagi berada dalam semester lima (35.7 peratus) dan semster empat (30,2 peratus).

**Jadual 3: Demografi**

Demografi	Nilai	Peratus (%)
Jantina	129	40.1
• Lelaki	193	59.9
• Perempuan		
Status		
• Bujang	315	97.8
• Berkahwin	7	2.2
Umur		
• 18 – 21 tahun	139	43.2
• 22 – 25 tahun	182	59.9
• 26 – 29 tahun	1	0.3
Semester		
Empat	97	30.2
Lima	115	35.7
Enam	76	23
Tujuh	34	10.6

**Jadual 3: Demografi – Progam dan Kursus**

Kursus	Diploma	Degree
Perniagaan	13 (4%)	23 (7.1%)
Perakaunan	23 (7.1%)	81 (25.2%)
Pengurusan Sumber Manusia	22 (6.8%)	7 (2.2%)
Perbankan Islam	13 (4%)	31 (9.6%)
Ekonomi	2 (0.6%)	42 (13%)
Komunikasi	22 (3.4%)	1 (0.3%)
Pengajian Bahasa Inggeris	22 (6.8%)	31 (9.6%)
<b>Jumlah Pelajar</b>	<b>166 (33.4%)</b>	<b>216 (67.1%)</b>

Berdasarkan Jadual 3, majoriti responden terdiri daripada pelajar daripada program sarjana muda (67.1%) yang terdiri daripada tujuh kursus. Kebanyakan mereka adalah pelajar dari kursus Sarjan Muda Perakaunan (25.5%).

## Analisis Objektif Kajian

Untuk mengenal pasti hubungan faktor persekitaran dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan mahasiswa Fakulti Pengurusan dan Muamalah, KUIS.

## Hipotesis

HO<sup>1</sup> : Faktor persekitaran tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Fakulti Pengurusan dan Muamalah.

Bagi mencapai objektif kajian ini, pengkaji menggunakan analisis inferensi untuk menganalisis data-data yang ada. Analisis korelasi Pearson telah digunakan bagi melihat hubungan antara dua variabel ini. Pengkaji telah melihat kekuatan dan arah hubungan antara nilai  $r$  dari +1 hingga -1 (Cohen et al., 1994). Anggaran kekuatan korelasi ini boleh dirujuk dalam jadual 5 berdasarkan jadual Interpretasi Kekuatan Korelasi (Asuero, et.al, 2006).

**Jadual 4: Interpretasi Kekuatan Korelasi**

<b>Pekali Korelasi</b>	<b>Interpretasi</b>
0.90 – 1.00	Sangat Tinggi
0.70 - 1.89	Tinggi
0.50 – 0.69	Sederhana
0.30 – 0.49	Rendah
0.00 – 1.29	Sangat Rendah

Sumber: Asuero et.al (2006)

Jadual 5 menunjukkan hubungan antara faktor persekitaran dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar FPM. Menerusi ujian ini, nilai pekali korelasi adalah  $r = 0.338^{**}$  dan nilai signifikan 0.00 iaitu kurang dari nilai aras signifikan 0.05. Maka dengan itu, hipotesis nol (HO<sup>1</sup>) gagal ditolak dan sekaligus dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan tetapi lemah antara faktor persekitaran dengan pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar FPM.

**Jadual 5: Jadual Analisis Korelasi Pearson**

<b>Pemboleh Ubah</b>	<b>Korelasi (r)</b>	<b>Signifikan (p)</b>
Faktor Persekitaran dengan Pemilihan Kerjaya	0.338**	0.000

Secara umumnya kajian ini mendapati bahawa faktor persekitaran masih lagi mempengaruhi pemilihan kerjaya bidang pengurusan dalam kalangan pelajar FPM walaupun hubungannya lemah. Ini menunjukkan bahawa para pelajar masih mampu mengawal diri mereka dari dipengaruhi oleh persekitaran luar.

## KESIMPULAN

Dapatan kajian ini mengesahkan bahawa faktor persekitaran sememangnya ada hubungan yang lemah dalam pemilihan kerjaya, namun begitu ianya hanya terhad kepada para pelajar di FPM sahaja. Oleh itu pengkaji mencadangkan agar faktor kajian diperluaskan lagi dan menggunakan teori yang lebih baik. Sampel kajian juga perlu dipilih dengan menggunakan kaedah persampelan yang lain untuk mendapat hasil kajian yang lebih tepat.

## RUJUKAN

- Asuero, A. G., Sayago A., & Gonzales, A. G. (2006). *The correlation coefficient: An overview. critical reviews in analytical chemistry*, 36:41–59, 2006 Copyright © Taylor and Francis Group, LLC ISSN: 1040-8347 print/1547-6510 online DOI: 10.1080/10408340500526766. Cited from: <https://pdfs.semanticscholar.org/80cc/d0790a6889ea4517b378d7ddf5eb49db5da9.pdf>
- Capussi, D., & Gross, D. R. (1991). *Introduction to counselling*. Prospectives for the 1990s. Boston: Allyn and Bacon.
- Halim, A. (2008). Pemilihan kerjaya di kalangan bakal graduan.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities: Educational And Psychological Measurement.
- Kristen Tillman. (2015). *Parental influence on college students' career aspirations*. Georgia Southern University.
- Kniveton, B. H. (2004). The influences and motivations on which students base their choice of career. *Research in Education*, 72, 47-59. Loughborough University Institutional Repository.
- Mearns, J. (2009). *Social Learning Theory*. In H. Reis & S. Sprecher (Eds.), *Encyclopedia of Human Relationships*, (Vol. 3) (pp. 1537-1540). Thousand Oaks, CA: Sage.
- Myers, D. G. (2003). *Exploring Social Psychology Fifth Edition*. John Wiley & Sons, Inc
- Michael Borchert. (2002). *Career choice factors of high school students*. Career and Technical Education.
- Mohd Helmi Ali, Azman Ismail, Norhidayah Suleiman & Mohammad Azrul Tajuddin. (2014). Faktor pemilihan kerjaya dalam kalangan pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia : Satu Panduan untuk industri. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2)(2016): 9 – 15.
- Mohd Nasir Bin Ripin & Ana Farina Binti Abdul Fatakh. (2010). Faktor pendorong pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar tahun satu Fakulti Pendidikan, UTM Skudai. Universiti Teknologi Malaysia.
- Norasmah Othman & Salmiah Ishak. (2011). Kecenderungan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan mengikut persepsi peserta Skim Usahawan Siswa. *Jurnal Teknologi* (Vol. 56). <https://doi.org/10.11113/jt.v56.59>
- Noor Azlan Bin Ahmad Zanzali & Noridah Binti Rahmat. (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan*. Universiti Teknologi Malaysia. Pautan daripada: <http://eprints.utm.my/id/eprint/11509/1/Faktor.pdf>
- Norhayati Nasir. (2014). *Pemilihan kerjaya kejurawatan dalam kalangan jururawat pelatih*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan (Psikologi Pendidikan). Pautan daripada: <http://eprints.utm.my/id/eprint/11509/1/Faktor.pdf>
- Nurdzifazura Binti Dziauddin & Emyzatul Najlaa' Binti Roslin. (2014). *Faktor-faktor yang mendorong pelajar memilih Program Kuliner di Kolej Komuniti Nibong Tebal, Pulau Pinang*. Seminar Penyelidikan Kolej Komuniti Zon Utara (SPEKKU).
- Nunnally, J. C. (1967). *Psychometric Theory*. New York: McGraw Hill.
- Osman, M. T. (2004). *Universiti dan tradisi kecemerlangan*. Terbitan Universiti Malaya Kuala Lumpur ISBN 983-100-182-6
- Ozen-Kutunis, Rana; Mesci, M. & Ovdur, Z. (2011). The effect of locus of control on Sapora Sipon (Year). Peranan kaunselor sekolah mempertingkatkan kesedaran kerajya dalam bidang Sains dan Matematik di kalangan pelajar Bumiputera. *Jurnal Pengurusan dan Kepemimpinan Pendidikan*. Retrieved from <http://ddms.usim.edu.my/bitstream/123456789/2731/1/Peranan%20Kaunselor%20Sek>

- olah%20Mempertingkatkan%20Kesedaran%20Kerjaya%20Dalam%20Bidang%20Sains%20dan%20Matematik%20di%20Kalangan%20Pelajar%20Bumiputera.pdf
- Sevgin Akis Roney & Perin Oztin. (2007). Career perceptions of undergraduate tourism students : A Case study in Turkey. *Journal of Hospitality, Leisure, Sport & Tourism Education*.
- Sidek Mohd Noah & Jamaluddin Ahmad. (2005). *Pembinaan modul: Bagaimana membina modul latihan dan modul akademik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Splaver, S. (1977). *Your Personality and Your Career*. J. Messner.
- Thomas Zellweger, Philipp Sieger & Frank Halter. (2010). Should I stay or should I go? Career choice intentions of students with family business background. *Journal of Business Venturing*.
- Wan Abdul Kader Wan Ahmad. (1994). *Keberkesanan kaunseling kelompok bagi pelajar-pelajar berkeimbangan sosial dari segi keimbangan sosial, keimbangan keadaan, keimbangan tret, lokus kawalan, dan kesempurnaan sendiri*. Thesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yahya Bin Buntat & Khodijah Binti Hassan. (2010). *Faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan kerjaya perguruan di kalangan pelajar tahun 2 Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan, UTM*. Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia. Retrieve from: <http://eprints.utm.my/id/eprint/11378/1/Faktor2.pdf>
- Zairoslawanee Binti Zaib. (2014). *Pemilihan kerjaya pelajar Tingkatan 6 Atas di Sekolah Menengah Kluster di Kelantan*. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Zunker & Vernon. (2006). *Career counseling. A hollistic approach*. Belmont: Thomson Brooks/Cole, 2006.